PP lwn. MURUGAN ELUMALAI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
AZMI ARIFFIN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45A-9-01-2015]
17 JANUARI 2019

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pengedaran – Dakwaan – Prima facie – Sama ada terbukti – Kegagalan mengemukakan telefon-telefon bimbit yang digunakan oleh ejen perangkap dan tertuduh – Sama ada wujudnya perbincangan jual beli dadah sehingga membawa pada tangkapan atas tertuduh-tertuduh – Sama ada keterangan sengaja disembunyikan – Sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pendakwaan – Sama ada kredibiliti ejen perangkap tergugat – Sama ada pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan atas kes pendakwaan – Sama ada pihak pembelaan berjaya mematahkan anggapan milikan dan pengetahuan – Sama ada tertuduh-tertuduh harus dilepaskan dan dibebaskan*

KETERANGAN: *Dadah berbahaya – Pengedaran – Dakwaan – Prima facie – Sama ada terbukti – Kegagalan mengemukakan telefon-telefon bimbit yang digunakan oleh ejen perangkap dan tertuduh – Sama ada wujudnya perbincangan jual beli dadah hingga membawa pada tangkapan atas tertuduh-tertuduh – Sama ada keterangan sengaja disembunyikan – Sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pendakwaan – Sama ada kredibiliti ejen perangkap tergugat – Sama ada pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan atas kes pendakwaan – Sama ada pihak pembelaan berjaya mematahkan anggapan milikan dan pengetahuan – Sama ada tertuduh-tertuduh harus dilepaskan dan dibebaskan*

Tertuduh-tertuduh telah dituduh mengedar dadah berbahaya seberat 138.7g heroin dan 28.6g monoacetylmorphines, iaitu satu kesalahan bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Pada 11 Jun 2014, SP6 telah menerima maklumat daripada sumbernya bahawa ada seorang pengedar heroin bernama Boy ('tertuduh pertama') mempunyai bekalan heroin dan sedang mencari pelanggan untuk menjualnya. Pada 26 Jun 2014, SP6 telah menghubungi tertuduh pertama dengan menggunakan nombor telefon 014-6045611 yang diberikan oleh sumber. SP6 telah memperkenalkan dirinya sebagai Roy dan memberitahu tertuduh pertama bahawa tujuan SP6 menelefon tertuduh pertama adalah untuk berbincang tentang jual beli dadah heroin. Susulan itu, pertemuan pertama telah diatur pada 1 Julai 2014 di R&R Sungai Buloh, di mana satu perbincangan telah berlaku. SP6 telah memberitahu tertuduh pertama bahawa SP6 perlu ambil pesanan dahulu daripada pelanggannya dan kemudiannya barulah SP6 akan memberitahu tertuduh pertama jumlah pesanan yang diperlukan. Pada 4 Julai 2014, SP6 memberitahu tertuduh pertama yang dia ada pesanan untuk 10 paun dadah. Akhirnya, kedua-dua pihak bersetuju untuk bertemu di R&R Ulu Bernam untuk 'urusan' tersebut. Setelah tamat perbualan, SP6 telah memaklumkan

perkara tersebut kepada ACP Naidu untuk melancarkan operasi ini. Pada 11 Julai 2014, SP6 bersama-sama pasukannya tiba di R&R Ulu Bernam. Lebih kurang lima hingga sepuluh minit kemudian, SP6 nampak tertuduh pertama berjalan kaki menghala ke arah SP6 tanpa membawa apa-apa barang. Tertuduh pertama beritahu SP6 yang dia mahu mengira wang dahulu. SP6 kemudian menyerahkan beg berisi wang tunai berjumlah RM60,000 kepada tertuduh pertama untuk dikira. Setelah pengiraan selesai dibuat, tertuduh pertama menghubungi tertuduh kedua yang berada di dalam sebuah kereta Proton Wira supaya meletak kereta di belakang kereta SP6. Kemudiannya, tertuduh telah membawa SP6 ke Proton Wira tersebut. Tertuduh pertama membuka pintu belakang sebelah kiri pemandu dan pada masa itu SP6 nampak tertuduh kedua duduk di bahagian pemandu kereta itu. Tertuduh pertama telah ambil satu beg kain dari tempat alas kaki bahagian penumpang belakang. SP6 mendapati di dalam beg tersebut terdapat sepuluh bungkusan surat khabar dan SP6 telah membuka satu bungkusan dan melihat terdapat satu plastik yang berisi dadah jenis heroin. SP6 terus memberi isyarat kepada pasukan serbuan dan pasukan serbuan tiba dan membuat tangkapan terhadap tertuduh pertama. Mengikut keterangan SP2, tertuduh pertama kelihatan terkejut, bergelut dan cuba untuk melarikan diri manakala tertuduh kedua pula telah ditangkap oleh SP5 yang pada ketika itu berada di tempat duduk pemandu kereta Proton Wira. Dadah-dadah yang dirampas oleh SP2 ini kemudiannya telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis dan hasil analisis mengesahkan bahawa dadah-dadah tersebut adalah heroin dan monoacetylmorphines. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh. Maka, kedua-dua tertuduh dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan tersebut. Tertuduh-tertuduh, dalam pembelaannya, menyatakan bahawa seorang yang bernama 'Christopher' telah meminta tertuduh pertama berjumpa dengan SP6 untuk menyerahkan barang kemas kepada SP6 dan mengambil RM60,000 daripada SP6. Menurut tertuduh pertama, dia tidak mempunyai pengetahuan bahawa beg tersebut mengandungi dadah. Tertuduh-tertuduh juga membangkitkan isu berkaitan tiada rampasan telefon bimbit yang digunakan oleh tertuduh pertama dan telefon bimbit SP6 yang telah digunakan oleh kedua-dua pihak untuk berhubung dan ketiadaan telefon-telefon bimbit ini telah menjejaskan kes pendakwaan.

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan tertuduh pertama dan tertuduh kedua):

(1) SP6, dalam keterangannya, menyatakan bahawa terdapat 11 panggilan telefon bimbit antara SP6 dengan menggunakan No: 014-3651961 dengan penama Boy yang dikatakan oleh SP6 sebagai Boy yang menggunakan nombor telefon 014-6045611 sedangkan, mengikut

keterangan SP7, nombor telefon bimbit yang diberikan oleh tertuduh pertama semasa rakaman percakapannya adalah 017-4586924. SP2, semasa pemeriksaan balas, menyatakan dia tidak pasti sama ada satu telefon berjenama Nokia milik tertuduh pertama dan dua buah telefon milik tertuduh kedua ada dirampas oleh SP2. SP2 juga mengakui, dalam senarai bongkar dan borang serahan, tidak dinyatakan tentang telefon-telefon bimbit tersebut. (perenggan 26 & 47)

(2) SP6 telah mengecam tertuduh pertama sebagai Boy dalam pertemuan antara mereka berdua pada 1 Julai 2014, 4 Julai 2014 dan 11 Julai 2014. SP6 mengakui bahawa pada pertemuan pertama dan kedua, SP6 tidak ada berjumpa dengan tertuduh kedua. SP6 hanya bertemu dengan tertuduh kedua pada pertemuan ketiga sahaja iaitu pada hari kejadian dan tangkapan. SP6 juga bersetuju panggilan telefon dalam kes ini sangat penting untuk menunjukkan terdapat perbualan dengan tertuduh. Namun SP6 tidak tahu sehingga sekarang apa yang telah terjadi pada telefon tersebut. Malah SP6 juga mengakui telefon bimbit kedua-dua tertuduh juga hilang. SP6 mengakui bahawa telefon bimbit yang digunakan olehnya di dalam operasi ini sememangnya wujud namun tidak dibawa dan dikemukakan ke mahkamah. SP6 juga mengesahkan telefon bimbitnya juga tidak diserahkan kepada pihak pendakwaan dan pegawai penyiasat. (perenggan 49 & 53)

(3) Pegawai penyiasat SP7 juga tidak menyiasat dengan Telco rekod panggilan berhubung nombor yang dikatakan digunakan oleh tertuduh pertama. SP7 juga mengesahkan bahawa dia tidak ada menerima apa-apa telefon bimbit sebagai barang yang dirampas daripada kedua-dua tertuduh. SP7 juga tidak membuat apa-apa siasatan mana perginya telefon-telefon yang digunakan oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan SP6. Menurut SP2, telefon kedua-dua tertuduh ini ada dirampas namun ke mana perginya telefon-telefon ini dan mengapa tidak dikemukakan sebagai ekshibit pihak pendakwaan masih menjadi tanda tanya. Malah telefon-telefon ini juga tidak dimasukkan sebagai barang rampasan dalam senarai bongkar yang dikemukakan di mahkamah ini. Persoalannya adakah keterangan tentang ekshibit ini sengaja disembunyikan kerana, jika dikemukakan, akan memihak pada pihak pembelaan. Mungkin jawapannya ya atau mungkin juga jawapannya tidak. (perenggan 54 & 55)

(4) Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon bimbit yang digunakan oleh SP6 dan tertuduh pertama ini telah menimbulkan persoalan sama ada wujud perbincangan jual beli dadah yang telah dilakukan antara SP6 dan Boy yang dirujuk oleh SP6 sebagai tertuduh pertama sehingga membawa pada tangkapan atas kedua-dua tertuduh ini.

Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon-telefon tersebut, termasuk telefon SP6, telah menyebabkan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pendakwaan kerana, jika dikemukakan, pasti akan memihak pada pihak pembelaan kerana akan boleh mendedahkan identiti sebenar pihak-pihak yang berkaitan pihak-pihak yang terlibat dalam perbincangan jual beli dadah ini sama ada Boy ini adalah sebenarnya tertuduh pertama atau penama yang lain. Di sini, kredibiliti SP6 tergugat. (perenggan 55 & 56)

(5) Jika Boy sebenarnya bukan tertuduh pertama, maka timbul pula persoalan adakah kedua-dua tertuduh ini tahu bahawa beg yang diberikan oleh Christopher itu mengandungi dadah kerana rundingan tidak dilakukan oleh tertuduh pertama apatah lagi tertuduh kedua. Persoalan-persoalan ini telah banyak menimbulkan keraguan dan sudah semestinya keraguan ini memihak pada tertuduh. Oleh itu, pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan dan pada masa yang sama juga telah berjaya mematahkan anggapan milikan dan pengetahuan sebagaimana yang telah dibangkitkan terhadap mereka berdua. Pihak pendakwaan nyata telah gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Dengan itu, kedua-dua tertuduh hendaklah dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan. (perenggan 57 & 58)

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241 SC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2) [1976] 1 LNS 184 ***(dirujuk)***
Teja Singh & Mohamed Nasir v. PP [1949] 1 LNS 96 HC ***(dirujuk)***
Wan Mohd Azman Hassan v. PP [2010] 4 CLJ 529 FC ***(dirujuk)***
Zulkefly Had lwn. PP & Satu Lagi Rayuan [2014] 6 CLJ 64 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 39B(1)(a), 40A(1)
Evidence Act 1950, ss. 8, 114(g)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak pendakwaan - Wan Shahida Wan Omar; TPR
Bagi pihak OKT1 - T/n Sivananthan
Bagi pihak OKT2 - T/n Geethan Ram

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azmi Ariffin H:

Pertuduhan

Bahawa kamu bersama-sama pada 11/7/2014 jam lebih kurang 3.10 petang di R&R Ulu Bernam Arah Selatan KM 399 dalam Daerah Hulu Selangor di dalam Negeri Selangor telah mengedar dadah berbahaya seberat 138.7 gram Heroin dan 28.6 gram Monoacetylmorphines. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Fakta Kes Pendakwaan

[1] Pada 11 Jun 2014 jam 12 tengah hari, SP6 (ASP Saravanan a/l Diwanantong) telah menerima maklumat daripada sumbernya di mana sumber memberitahu SP6 bahawa ada seorang pengedar heroin bernama Boy di Pulau Pinang mempunyai bekalan heroin dan sedang mencari pelanggan untuk menjualnya.

[2] Pada 25 Jun 2014 jam lebih kurang 10 pagi, sumber tersebut telah menghubungi SP6 dan sumber telah memberitahu Boy bahawa kawan sumber bernama Roy dari Ampang akan menghubungi Boy untuk berbincang berkenaan urusan jual beli dadah heroin. Nombor telefon Boy yang diberikan oleh sumber kepada SP6 ialah 014-6045611.

[3] Pada jam lebih kurang 12 tengah hari (25 Jun 2014) SP6 telah menghubungi Boy dengan menggunakan nombor 014-6045611 yang diberikan oleh sumber. SP6 telah memperkenalkan dirinya sebagai Roy dari Ampang dan setelah SP6 bertanya "Ini Boy ke?", maka dia cakap dia adalah Boy. SP6 memberitahu Boy bahawa tujuan SP6 menelefon Boy adalah untuk berbincang berkenaan jual beli dadah heroin. Hasil daripada perbualan ini, persetujuan telah dicapai untuk kedua-dua pihak bertemu di R&R Sungai Buloh pada 1 Julai 2014.

[4] Susulan daripada itu pertemuan pertama telah diatur pada 1 Julai 2014 jam sekitar 4 petang di R&R Sungai Buloh. Setiba SP6 di situ dan ketika menanti ketibaan Boy pada jam sekitar 4.15 petang, SP6 melihat sebuah kereta Honda City no pendaftaran WUX 3090 sampai dan meletakkan kenderaannya di hadapan gerai R&R Sungai Buloh. Seorang lelaki India telah keluar daripada kereta tersebut dan sejurus selepas itu SP6 telah menerima panggilan telefon daripada Boy yang memanggil SP6 untuk dicamkan. Lelaki India itu menghampiri SP6 dan terus bertanya kepada SP6 "Abang, you Roy daripada Ampang ke?" Kemudian SP6 menjawab "Ya" dan SP6 pula bertanya balik kepada lelaki India tersebut "You Boy dari Penang ke?" Lalu lelaki tersebut menjawab "Ya". SP6 dan Boy kemudiannya telah bersama-

A sama masuk ke dalam gerai dan pada masa itu juga SP6 telah memperkenalkan L/Kpl Anbalagan kepada Boy sebagai orang kanannya. SP6 telah mengecam Boy ini sebagai tertuduh pertama.

[5] Di dalam pertemuan pertama ini, di antara lainnya Boy memberitahu SP6 bahawa jika ambil 10 pound heroin ke atas harganya adalah RM6,000 B satu pound. Tetapi jika bekalan yang diambil kurang daripada 10 pound maka harganya adalah RM6,500 satu pound. Boy kemudiannya bertanya kepada SP6 bila SP6 hendak mengambilnya. SP6 memberitahu Boy bahawa SP6 perlu ambil order dahulu daripada customernya dan kemudiannya barulah SP6 akan memberitahu Boy jumlah pesanan yang diperlukan. Boy C bersetuju dan Boy memberitahu SP6 yang dia akan menghubungi semula SP6. Tamat pertemuan pertama ini.

[6] Pada 2 Julai 2014 jam lebih kurang 3 petang, SP6 telah menerima panggilan daripada Boy bertanyakan jumlah order berkenaan namun SP6 memberitahu Boy bahawa dia masih lagi menunggu order daripada customer. D Boy mengingatkan SP6 supaya memberitahu beliau jumlah order dua hari lebih awal bagi memudahkan Boy *standby* barang tersebut.

[7] Pada 3 Julai 2014 jam lebih kurang 7 malam, SP6 telah menghubungi Boy untuk berjumpa dan berbincang order yang SP6 akan buat. Pertemuan kedua ini dipersetujui akan dibuat di R&R Sungai Buloh pada 4 Julai 2014. E SP2 (DSP Mohd Husni bin Manaf) telah diarahkan oleh ACP Naidu untuk mengetuai *team* dalam perjumpaan dengan Boy ini.

[8] Pada 4 Julai 2014, SP2 telah mengarahkan SP6 untuk menukar kawasan perjumpaan asal iaitu di R&R Sungai Buloh kepada R&R Jejantas F Sungai Buloh. Pada pertemuan tersebut yang berlaku di dalam kereta SP6 sekitar jam 4 petang, SP6 memberitahu Boy yang beliau ada order untuk 10 pound dan SP6 akan ambil pada 11 Julai 2014. Boy beritahu tempat berurusan akan beliau beritahu kemudian. Boy mengingatkan SP6 agar memastikan duit yang dibawa mencukupi kerana jika tidak barang tidak akan diserahkan.
G

[9] Pada 10 Julai 2014 jam lebih kurang 8 malam, SP6 telah menerima panggilan daripada Boy bertanyakan wang untuk 10 pound heroin tersebut. SP6 beritahu Boy wang RM60,000 sudah ada padanya. Akhirnya kedua-dua pihak telah bersetuju untuk bertemu di R&R Ulu Bernam pada 11 Julai 2014 H jam 2 petang bagi tujuan 'urusan' tersebut. Setelah tamat perbualan, SP6 telah memaklumkan perkara tersebut kepada ACP Naidu untuk melancarkan operasi ini.

[10] Pada 11 Julai 2014 taklimat *team* operasi diberikan oleh SP2 di mana pembahagian pasukan dibuat. Setelah selesai taklimat, SP6 telah menerima I wang tunjuk sebanyak RM60,000 daripada ACP Naidu.

[11] Pada jam 12.30 tengah hari, SP6 bersama pasukan telah bergerak ke R&R Ulu Bernam. Dalam perjalanan ke Ulu Bernam, SP6 telah menerima panggilan daripada Boy bertanyakan lokasi SP6 pada ketika itu. Boy memberitahu SP6 bahawa dia datang dengan dua buah kereta di mana dia akan datang berjumpa SP6 dahulu dan terima wang dan jika wang tersebut didapati mencukupi barulah Boy akan meminta kawan dia untuk menghantar barang tersebut kepada SP6. SP6 bersetuju dengan cara tersebut.

[12] Pada jam lebih kurang 2 petang, SP6 bersama L/Kpl Anbalagan tiba di R&R Ulu Bernam dengan menaiki kenderaan Vios dan meletakkan kenderaan di hadapan Agro Bazaar. Kemudian SP6 telah keluar dan berdiri di luar kereta manakala L/Kpl Anbalagan masih duduk di dalam kereta. Lebih kurang 5-10 minit kemudian, SP6 nampak Boy sedang jalan kaki menghala ke arah SP6 tanpa membawa apa-apa barang lalu SP6 pun bertanya "mana barang?" Boy beritahu SP6 yang beliau mahu mengira wang itu dahulu. Boy masuk ke dalam kereta SP6 dan duduk di bahagian penumpang belakang manakala SP6 pula duduk di bahagian hadapan sebelah pemandu.

[13] SP6 kemudiannya telah menyerahkan beg berisi wang tunai berjumlah RM60,000 kepada Boy untuk dikira. Pada masa itu SP6 memberitahu Boy yang beliau tidak boleh lama berada di situ kerana keadaan tidak selamat kerana ada duit di dalam keretanya. Setelah selesai pengiraan dibuat, Boy telah memasukkan kembali wang itu di dalam beg itu dan menyerahkan semula kepada SP6. Setelah itu, SP6 telah bertanya kepada Boy "mana barang?" dan setelah melihat barang itu barulah SP6 akan menyerahkan wang itu kepada Boy. Kemudian Boy telah menghubungi tertuduh kedua dan tertuduh pertama memberitahu tertuduh kedua yang berada di dalam kereta Proton Wira No. pendaftaran PFG 5153 supaya parking kereta di belakang kereta SP6. Lebih kurang 5 minit kemudian, sebuah kereta tiba dan berhenti di belakang kereta SP6 dan pada masa itu, tertuduh pertama telah memanggil SP6 dan memberitahu SP6 supaya pergi bersamanya ke Proton Wira tersebut. Apabila tertuduh pertama dan SP6 sampai di kereta Wira itu, tertuduh pertama telah membuka pintu belakang sebelah kiri pemandu dan pada masa itu SP6 nampak tertuduh kedua duduk di bahagian pemandu kereta itu. Kemudian Boy telah ambil satu beg kain dari tempat alas kaki bahagian penumpang belakang dan tertuduh pertama telah mengarahkan SP6 menghala ke kereta SP6 kembali. Apabila sampai di kereta SP6, tertuduh pertama telah meminta SP6 membuka bonet untuk meletakkan beg kain tersebut. SP6 beritahu tertuduh pertama bahawa beliau ingin memeriksa kandungan di dalam beg kain itu bagi memastikan jumlah 10 pound heroin itu mencukupi. SP6 mendapati di dalam beg tersebut terdapat 10 bungkusan surat khabar dan SP6 telah membuka satu bungkusan dan SP6 nampak di dalam bungkusan tersebut terdapat satu plastik yang berisi dadah jenis heroin. SP6 terus memberi isyarat kepada pasukan serbuan dengan membuka

cermin matanya yang dipakainya. Tidak sempat untuk SP6 membuka bungkusan yang kedua, pasukan serbuan telah tiba dan membuat tangkapan terhadap tertuduh pertama. Mengikut keterangan SP2, semasa tertuduh pertama ditahan, beliau kelihatan terkejut, bergelut dan cuba untuk melarikan diri. Manakala tertuduh kedua pula telah ditangkap oleh SP5 yang pada ketika itu berada di tempat duduk pemandu kereta Proton Wira PFG 5153.

[14] Dadah-dadah yang dirampas oleh SP2 ini kemudiannya telah dihantar oleh SP7 (pegawai penyiasat kes) ke Jabatan Kimia Malaysia pada 21 Julai 2014 untuk dianalisa dan hasil analisa oleh SP4 (ahli kimia) mengesahkan bahawa dadah-dadah tersebut berjumlah 138.7g heroin dan 28.6g monoacetylmorphines.

Prinsip Undang-undang

[15] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah perlu menentukan sama ada wujudnya satu kes *prima facie* yang telah berjaya dikemukakan oleh pihak pendakwaan ataupun sebaliknya terhadap tertuduh. Di dalam penentuan ini, seharusnya mahkamah ini tidak dapat lari daripada mematuhi garis panduan yang telah diberikan di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 di mana Mahkamah Persekutuan telah menggariskan ujian yang seharusnya dipatuhi oleh mahkamah perbicaraan di akhir sesuatu kes pendakwaan sepertimana berikut:

> ... the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the element of the offence have been established.
>
> The test at the close for the prosecution would therefore be; is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent?. If the answer is in the affirmative then a *prima facie* has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any doubt there can be no *prima facie* case.

Dapatan Mahkamah Di Akhir Kes Pendakwaan

[16] Dapatan yang akan saya kupas ini akan hanya berkisar pada tertuduh pertama sahaja dahulu.

[17] Persoalan utama yang seharusnya ditangani adalah sama ada keterangan SP6 yang juga merupakan seorang ejen *provocateur* ini kredibel ataupun sebaliknya. Bagi menjawab persoalan ini, maka mahkamah ini tidak dapat lari daripada menilai keseluruhan keterangan pihak pendakwaan. Harus juga diingatkan bahawa SP6 boleh diterima masuk oleh mahkamah ini mengikut peruntukan di bawah s. 40A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952

namun tidak dinafikan bahawa kebolehpercayaan keterangan ini boleh disangkal. Oleh itu adalah terletak pada pihak pembelaan untuk mengemukakan keterangan yang mencukupi bagi mahkamah untuk mencapai kepada kesimpulan bahawa keterangan ejen *provocateur* 'is unworthy of credit'. Ini jelas telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Wan Mohd Azman Hassan v. PP* [2010] 4 CLJ 529. Harus juga diketengahkan bahawa keterangan ejen *provocateur* bukanlah sama seperti keterangan seorang rakan sejenayah (accomplice) dan oleh kerana itu tidak memerlukan keterangan sokongan (lihat kes *Teja Singh & Mohamed Nasir v. PP* [1949] 1 LNS 96.

[18] Setelah meneliti keterangan SP6 ini secara mendalam, mahkamah ini tiada keraguan sama sekali bahawa Boy yang dimaksudkan adalah merujuk hanya kepada tertuduh pertama sahaja dan bukannya kepada penama yang lain. Dapatan yang saya buat ini adalah berpaksikan kepada keterangan SP6 sendiri sepertimana yang telah saya perincikan di dalam fakta kes pendakwaan di atas. Namun, bagi tujuan penjelasan sebaik-baik saya mengulanginya semula bagi memudahkan pemahaman.

[19] Mengikut SP6, kali pertama perbualan melalui telefon dibuat di antara SP6 dan Boy ini adalah pada 25 Jun 2014 jam lebih kurang 12 tengah hari. SP6 memperkenalkan dirinya sebagai Roy dari Ampang dan bila ditanya adakah penerima panggilan ini Boy maka jawapan yang diberikan adalah dia memang Boy.

[20] Pada pertemuan pertama yang berlaku di antara SP6 dan tertuduh pertama pada 1 Julai 2014 di R&R Sungai Buloh, tertuduh pertama telah menghampiri SP6 dan bertanya "Abang, you Roy daripada Ampang ke?" Kemudian SP6 jawab "ya" dan SP6 bertanya balik kepada tertuduh pertama, "You Boy dari Penang ke?" Dan tertuduh pertama menjawab "ya". Kemudian perbincangan berlaku di antara kedua pihak berkaitan stock heroin, jumlah order, harga untuk satu pound heroin dan bila SP6 hendak bekalan heroin tersebut.

[21] Pertemuan kedua di antara SP6 dan tertuduh pertama berlaku di R&R Jejantas Sungai Buloh pada 4 Julai 2014 sekitar jam 4.30 petang. Di dalam pertemuan yang berlaku di dalam kereta SP6, Boy atau tertuduh pertama ini telah bertanya kepada SP6 "berapa you nak?" SP6 berkata "setakat ini saya ada order untuk 10 pound". Tertuduh pertama turut mengingatkan SP6 agar menyediakan wang yang mencukupi kerana katanya kalau tidak cukup, tertuduh pertama tidak akan menyerahkan barang kepada SP6.

[22] Adalah jelas bahawa urusan jual beli barang serta penetapan harga barang jualan yang dimaksudkan ini adalah stok dadah heroin sepertimana yang telah dibincangkan oleh tertuduh pertama dan SP6 di dalam pertemuan pertama mereka.

[23] Jadi adalah jelas bahawa pada pertemuan yang ketiga (11 Julai 2014) yang juga merupakan hari di mana kedua-dua tertuduh ditangkap berlaku, sebaik-baik sahaja SP6 bertemu dengan tertuduh pertama dan bertanya kepada tertuduh pertama "mana barang?" mahkamah ini tiada keraguan sama sekali bahawa tertuduh pertama telah pun memahami barang yang dimaksudkan itu adalah dadah heroin. Ini adalah kerana susulan daripada pertanyaan oleh SP6 itu, tertuduh pertama telah kemudiannya mengambil beg kain (eks. P7A(1)) untuk dibuat pemeriksaan oleh SP6 dan adalah nyata di dalam beg kain yang yang diberikan oleh tertuduh pertama itu berisi 10 bungkusan surat khabar yang mana di dalamnya mengandungi dadah jenis heroin. Sudah terang lagi bersuluh tertuduh pertama bukan sahaja mempunyai jagaan atau kawalan terhadap dadah tersebut malah tertuduh pertama juga mempunyai pengetahuan terhadap kandungan di dalam beg kain tersebut berisi dadah heroin.

[24] Menyentuh berkaitan penama Christopter a/l Kesen, jika sekali pun kereta Proton Wira No. Pendaftaran PFG 5153 ini didaftarkan atas nama beliau dan tiada usaha yang dibuat oleh SP7 untuk mengesan atau menghubungi penama ini, namun ini tidak memudaratkan atau menyebabkan berlakunya kelompangan di dalam kes pendakwaan. Ini adalah kerana, harus diketengahkan bahawa dadah yang dirampas ini tidak dipertikaikan pada asalnya berada di tempat alas kaki bahagian penumpang di dalam kereta tersebut. Namun ia tidak berakhir di situ. Namun beg kain ini telah kemudiannya dibawa keluar oleh tertuduh pertama daripada kereta tersebut dan tertuduh pertama telah pergi pula dengan membawa beg kain tersebut ke kereta SP6 bagi membolehkan SP6 memeriksa dahulu kandungan di dalamnya sebelum wang berjumlah RM60,000 diserahkan kepada tertuduh pertama. Tiada di dalam mana-mana keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terutama sekali keterangan SP2 dan SP6 yang menyatakan wujudnya penama lain selain daripada tertuduh pertama sendiri yang bukan sahaja hadir di dalam tiga perjumpaan yang diatur dan ditetapkan oleh kedua-dua pihak ini tetapi telah memainkan peranan yang aktif di dalam transaksi jual beli dadah ini. Maka dengan itu pada hemat saya jika wujud sekali pun penama Christopher ini dan beg kain tersebut adalah kepunyaannya, namun mahkamah ini tidak menolak sama sekali keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bahawa tertuduh pertama telah dengan pengetahuan mengetahui kehadiran dadah di dalam beg tersebut.

[25] Peguam kedua-dua tertuduh turut bangkitkan isu berkaitan tiada rampasan telefon bimbit yang digunakan oleh Boy (tertuduh pertama) atas nombor 014-6045611 dan telefon bimbit SP6 atas nombor 014-3651961 yang telah digunakan oleh kedua-dua pihak untuk berhubung. Malah tiada langsung rekod panggilan telefon ataupun semakan Telco yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Dihujahkan bahawa sekiranya telefon bimbit

tertuduh pertama ini dikemukakan di mahkamah, ia pasti akan menunjukkan sama ada tertuduh pertama sememangnya menggunakan nombor telefon 017-4586924 ataupun 014-6045611 sepertimana yang dikatakan oleh SP6. Malah pihak pembelaan juga menegaskan bahawa tertuduh pertama bukanlah pemilik berdaftar untuk nombor telefon yang dikatakan digunakan oleh Boy. Ketiadaan rampasan telefon bimbit yang digunakan oleh SP6 dan tertuduh pertama telah dikatakan menimbulkan seribu tanda tanya sama ada perbincangan serta transaksi jual beli ini benar-benar berlaku ataupun sebaliknya. Tambahan lagi SP6 juga mengakui tiada sebarang dokumen penerimaan yang ditandatangani oleh beliau berkaitan penerimaan wang tunjuk sebanyak RM60,000 dan ini telah dikatakan menimbulkan lebih banyak kemusykilan yang tidak terjawab oleh pihak pendakwaan tentang kesahihan transaksi ini.

[26] Bagi merungkai persoalan yang bermain di minda peguam ini, izinkan saya mengimbas kembali keterangan SP6. Mengikut SP6 terdapat 11 panggilan telefon bimbit di antara SP6 dengan menggunakan nombor telefon 014-3651961 dan penama Boy dengan menggunakan nombor telefon 014-6045611. Persoalan yang timbul dalam kes ini ialah adakah Boy adalah tertuduh pertama. Mengikut keterangan SP6, Boy ini merupakan tertuduh pertama.

[27] Peguam tertuduh merujuk kepada kes *Zulkefly Had lwn. PP & Satu Lagi Rayuan v. PP* [2014] 6 CLJ 64 autoriti di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa ketiadaan langsung telefon bimbit kepunyaan tertuduh (perayu) yang dikemukakan di mahkamah telah menyebabkan timbulnya keraguan terhadap kredibiliti ejen *provocateur* (SP7) di mana Mahkamah Rayuan mendapati SP7 ini merupakan seorang saksi yang diragui kebenaran keterangannya.

[28] Saya telah membaca kes Mahkamah Rayuan ini berulang-ulang kali. Saya dapati bahawa isu berkaitan ketiadaan telefon perayu yang dikemukakan ini bukanlah merupakan penyebab utama yang menyebabkan perayu di dalam kes ini dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan di dalam kes pembelaan. Isu utama yang berbangkit adalah kekhilafan hakim bicara di dalam pengamatan kes pembelaan bila mana di dalam penghakimannya dadah tersebut telah dijumpai di dalam kereta AEQ 5321 untuk transaksi jual beli dadah sedangkan pada hakikat sebenar dadah ini dijumpai di dalam kereta PBH 1632. Isu ketiadaan telefon perayu yang dikemukakan ini hanyalah merupakan isu tambahan yang mencalar keterangan SP7 kerana ketidakpercayaan mahkamah terhadap ketulenan keterangan beliau.

[29] Meskipun prinsip undang-undang adalah mantap bahawa keterangan seorang ejen *provokateur* boleh diterima masuk tanpa perlunya mendapatkan koroborasi tidak sepertimana keterangan seorang rakan sejenayah (accomplice) namun seandainya keterangan seorang ejen *provokateur* itu tidak lagi kredibel maka keterangan ejen tersebut boleh diketepikan oleh mahkamah seandainya terdapat keterangan yang mencukupi untuk mahkamah membuat dapatan bahawa keterangan ejen tersebut 'is unworthy of credit'.

[30] Berbalik kepada kes di hadapan saya ini, setelah kedua-dua pihak mula melalui perbualan telefon memperkenalkan diri masing-masing sebagai Boy dan Roy dan selepas beberapa perbualan telefon antara keduanya berkaitan rundingan jualan dadah ini dibuat maka akhirnya pertemuan empat mata berlaku pada 1 Julai 2014 jam lebih kurang 4.15 bertempat di R&R Sungai Buloh. Kesinambungan rantaian keterangan ini nyata tidak terputus sama sekali. Boy dari Penang dan Roy dari Ampang yang sebelum ini hanya diperkenalkan melalui perbualan telefon sahaja namun kini wajah kedua-duanya (SP6 dan Boy) telah dapat dilihat di hadapan mata. Boy yang di dalam perbualan telefon itu kini telah hadir sendiri dan berseorangan di hadapan SP6. Tidak syak lagi Boy yang dihubungi oleh SP6 yang kini duduk bersama-sama dengan SP6 di dalam gerai merupakan tertuduh pertama. Jika begitu perjalanan keterangannya, maka isu telefon bimbit yang digunakan oleh tertuduh pertama yang tidak dirampas pada hari tangkapan dan tidak dikemukakan sebagai ekshibit kini hanyalah merupakan satu keterangan sokongan sahaja. Keterangan SP6 boleh diterima masuk dan berdiri dengan sendirinya meskipun tiada keterangan sokongan ini. Pelakuan tertuduh yang hadir pada pertemuan pertama ini juga sudah cukup meyakinkan mahkamah ini akan ketulenan keterangan SP6. Tingkah laku tertuduh ini yang hadir turutan daripada perbincangan mengenai jual beli dadah ini boleh diterima di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950. Rujukan dibuat kepada keputusan di dalam kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717 di mana Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> [36] The law relating to evidence of conduct is thus patent. If there is no evidence to show that the conduct is influenced by any fact in issue or relevant fact as required by s. 8 then it is not admissible as it would then be an equivocal act justifying inferences favourable to the accused being drawn. If it satisfied the requirement of s. 8 it is admissible. It must be observed that the degree of proof required to establish evidence of conduct would depend on the nature of the conduct. Conduct like the flight of an accused is a more positive act and is easily established. On the other hand conduct like the accused looking stunned, nervous, scared or frightened is very often a matter of perception and more detailed evidence may be required. Once admitted the court cannot resort to any other explanation for the conduct or draw inferences on its own accord

to render it inadmissible. The onus is on the accused to explain his conduct pursuant to s. 9. Such explanation must not be in their barest possible form, but with a reasonable fullness of detail and circumstance (see *R v. Stephenson* [1904] 68 JP 524). The onus may be discharges even in the course of the case for the prosecution, for example, by way of cross-examination of relevant witnesses. If not so done it can be discharges only at the defence stage. However, the evidence admissible under the section must be confined to what is necessary for the purposes enumerated. Illustration (c) to s. 9 explains the operation of this principle. It provides that when A is accused of a crime the fact that soon after the commission of the crime he absconded from his house is relevant. But the fact that at the time when he left home he had sudden and urgent business at the place to which he went, is relevant, as tending to explain the fact the he left home suddenly. The detailed of the business on which he left, however, are not relevant, except in so far as they are necessary to show that the business was sudden and urgent. If the explanation is accepted by the court then the inference arising from the conduct is rebutted. If it is not accepted or if the accused does not explain his conduct the inference remains unrebutted.

[31] Keterangan SP6 ini diperkuatkan lagi dengan keterangan SP2 bilamana SP6 ini ada memberitahu bahawa untuk urus niaga tersebut beliau telah berhubung melalui perbualan telefon dengan seorang lelaki India bernama Boy dan tiga kali SP6 berjumpa secara fizikal dengan penama Boy ini termasuk pada hari tangkapan berlaku dan di dalam ketiga-tiga pertemuan ini yang datang untuk bertemu dan berbincang dengan SP6 hanyalah seorang lelaki India sahaja bernama Boy yang juga merupakan tertuduh pertama dan bukannya penama Christopher sepertimana yang dicadangkan oleh pihak peguam. Beberapa siri perbincangan jual beli melalui telefon dan dua pertemuan terdahulu akhirnya melengkapkan transaksi ini apabila penyerahan dadah secara fizikal berlaku pada hari ketiga pertemuan yang juga merupakan hari bilamana tangkapan berlaku. Tidak dapat disangkal lagi bahawa pelakuan tertuduh pertama membawa dan menyerahkan beg kain berisi dadah ini kepada SP6 telah menguatkan keterangan SP6 tentang pengetahuan tertuduh pertama berkenaan kewujudan dadah berbahaya tersebut. Maka dengan itu berakhirlah episod tentang isu ini.

[32] Izinkan saya untuk menyentuh pula isu selanjutnya yang diutarakan oleh peguam tertuduh-tertuduh bilamana dihujahkan bahawa pihak pendakwaan telah mengemukakan dua set keterangan yang bercanggah di antara satu masa lain terutama sekali di antara keterangan SP2 dan SP6 berkaitan kejadian yang berlaku pada 11 Julai 2014.

(i) Percanggahan pertama yang dibangkitkan adalah sama ada tertuduh pertama dan SP6 pergi ke kereta Proton Wira (PFG 5153) bersama-sama?

Keterangan SP2 adalah seperti berikut:

> Dalam 20 minit kemudian, saya nampak satu lelaki India pergi ke kereta ASP Saravanan dan masuk dalam kereta di tempat duduk belakang sebelah kiri.

(Keterangan ini sama sepertimana yang dikatakan oleh SP6).

> Lepas itu lebih kurang 10 minit kemudian, datang sebuah kereta Proton Wira warna kelabu nombor pendaftaran PFG 5153 dan berhenti di belakang kereta Vios iaitu kereta ASP Saravanan.

(Keterangan ini hampir sama dengan keterangan SP6 bila SP6 mengatakan "kemudian dalam masa 5 minit, saya nampak sebuah kereta Wira sampai dan berhenti di belakang kereta saya."

> Lepas kereta itu sampai, lelaki India itu pergi ke kereta Wira. Lelaki India itu sahajalah yang pergi ke kereta Wira tersebut. Masa itu ASP Saravanan ada di luar kereta Vios. Lepas itu lelaki India telah buka pintu belakang sebelah kiri dan ambil satu beg kain dan pergi ke arah ASP Saravanan.

(Di sini ada perbezaan dengan keterangan SP6. Mengikut SP6:

> kemudian saya telah menghala ke kereta Wira bersama Boy dan sampai di kereta itu, Boy telah membuka pintu belakang sebelah kiri pemandu. Kemudian, Boy telah ambil satu beg kain dari tempat alas kaki bahagian penumpang, kemudian dia minta saya untuk ke kereta saya balik.

(Namun jika dirujuk kepada laporan polis (eks. P11) SP2 mengatakan seperti berikut:)

> kemudian penama (1) dan AP keluar dari kereta Vios dan menuju ke kereta yang dipandu oleh penama (2) lalu penama (1) membuka pintu sebelah kiri bahagian belakang kereta tersebut dan ambil satu beg kain dan menjinjit beg kain tersebut dengan tangan kanan menuju ke kereta Vios.

Kandungan laporan polis ini menampakkan seperti SP6 dan tertuduh pertama bersama-sama telah pergi ke kereta yang dipandu oleh tertuduh kedua. Jika ini berlaku maka laporan ini adalah konsisten dengan keterangan SP6. Walaupun begitu, bahagian laporan eks. P11 ini masih tidak konsisten dengan keterangan SP2 sendiri yang diberikan di mahkamah terbuka ini. Rumusan berkaitan pencanggahan ini akan saya simpulkan setelah kesemua pencanggahan-pencanggahan ini saya perincikan dan bentangkan.

(ii) Percanggahan kedua yang dimajukan adalah menyentuh tentang bagaimana SP6 memeriksa kandungan beg kain (eks. P7A(1)).

Mengikut keterangan SP2:

> Lelaki India telah buka pintu belakang sebelah kiri dan ambil satu beg kain dan pergi ke arah ASP Saravanan. Selepas itu saya tengok ASP Saravanan melihat kandungan dalam beg itu. Lelaki India itu buka beg dan di tengok oleh ASP Saravanan. Pada masa yang sama, ASP Saravanan telah memberi isyarat dengan membuka cermin mata untuk membuat tangkapan.

Semasa pemeriksaan balas, SP2 mengakui bahawa ketika tertuduh pertama menunjukkan kandungan beg kepada ASP Saravanan, mereka hanya melihat kandungan beg, tidak mengeluarkan dan membuka apa-apa. Proses membuka dan melihat ini berlaku di dalam keadaan spontan dan masanya tidak boleh dipastikan. Keadaan biasa. Tengok sahaja.

Mengikut keterangan SP6:

> Dia pun bagi saya periksa dalam beg kain yang Boy bawa. Kemudian, saya periksa dalam beg itu dan saya dapati ada 10 bungkusan surat khabar dan saya telah buka satu bungkusan, semasa saya buka, saya nampak dalam bungkusan tersebut mengandungi satu plastik yang berisi dadah yang disyaki heroin. Dan saya nampak heroin tersebut, saya terus membuka cermin mata untuk memberi arahan untuk membuat serbuan.

Harus juga saya nyatakan di dalam keterangannya bahawa SP2 tidak menyatakan di mana tempat sebenarnya beg itu dibuka dan dilihat oleh SP6. Namun SP6 telah memperincikan keterangannya tentang tempat dan apa yang telah dilakukan oleh SP6 bila beliau menerima beg itu daripada tertuduh pertama. Izinkan, saya memetik keterangan SP6 tentang perkara ini:

Semasa pemeriksaan semula, SP6 menyatakan seperti berikut:

> selepas itu, dia serahkan beg itu kepada saya. Dan saya letak beg itu di atas jalan, squat dan buat pemeriksaan dan OKT1 pun ada bersama-sama saya.

(iii) Percanggahan ketiga yang diketengahkan adalah berkaitan di mana kedudukan sebenar beg kain (eks. P7A(1)) itu berada semasa serbuan dan tangkapan dibuat terhadap tertuduh pertama.

Mengikut keterangan SP2:

> "saya bersama pasukan dua telah menahan lelaki yang membawa beg kain tersebut iaitu yang dikenali sebagai Murugan". Semasa penahanan untuk saspek 1, ada berlaku pergelutan.

Semasa pemeriksaan balas, SP2 menyatakan seperti berikut:

> beg P7A(1) dirampas daripada tangan kanan OKT1 semasa tangkapan. Cubaan dia untuk melarikan diri tapi kita dah pegang dia bersama beg.

Mengikut laporan polis (eks. P11) SP2 menyatakan:

> saya rampas (1) beg kain bertulisan "Pure Clean Green Malaysian" dari tangan kanan penama (1).

Mengikut keterangan SP6:

> Saya nampak dia rampas. DSP Husni sendiri ambil dari jalan beg itu.

Manakala mengikut keterangan SP7 (pegawai penyiasat):

> Saya dimaklumkan oleh AP semasa AP melihat beg yang dipegang oleh Tertuduh, Tertuduh meletakkan beg tersebut di atas jalanraya, tetapi pemegang beg ini masih dipegang oleh Tertuduh Pertama.
>
> Maksudnya dia letak atas jalan, dia buka, tangan dia masih pegang pemegang.
>
> semasa tangkapan saya dimaklumkan oleh Pengadu, beg dalam pegangan Tertuduh. Menjinjit. Bukan atas jalanraya, masa tangkapan di buat.

[33] Berdasarkan kepada keterangan SP2, SP6 dan SP7 yang dikatakan bercanggah ini, dapatlah saya rumuskan bahawa percanggahan ini sememangnya ada dan ia berlaku. Persoalannya, adakah percanggahan ini merupakan suatu yang material sehingga mampu meruntuhkan keseluruhan kes pendakwaan. Pastilah jawapan kepada persoalan ini seharusnya dijawab dengan negatif setelah saya meneliti dan menghayati secara keseluruhan kes ini serta turutan peristiwa yang berlaku. Fakta utama yang telah didedahkan adalah dadah tersebut sememangnya telah dibawa oleh tertuduh pertama dan ditunjukkan kepada SP6. Barang yang ditunjukkan itu adalah dadah sepertimana yang telah dipersetujui juga telah disahkan oleh SP6 sendiri bila beliau melihat dan membuat pemeriksaan ke atasnya. Rampasan ke atas beg kain yang dibawa yang mengandungi dadah tersebut juga tidak dinafikan berlaku di tempat kejadian itu dan tertuduh pertama juga turut berada bersama-sama SP6 ketika serbuan dan tangkapan dibuat. Sayugia dinyatakan bahawa ini adalah fakta penting dan utama di dalam perbicaraan yang dijalankan ini. Keteguhan fakta sepenting ini tidak longgar sama sekali. Ia berdiri teguh dan tidak tergugat sama sekali. Maka dengan itu, pada hemat saya pencanggahan yang berlaku di tengah-tengah (in between) di antara keterangan seorang saksi dengan seorang saksi yang lain dari sudut pandangan mata masing-masing tentang apa yang berlaku, apa yang telah diperkatakan dan bagaimana perjalanan penceritaannya pasti akan ada percanggahan, perbezaan atau ketinggalan yang berlaku atau yang dapat dizahirkan. Pada hemat saya situasi sebegini merupakan suatu yang lumrah, biasa dan telah dijangkakan akan berlaku di dalam mana-mana kes pendakwaan kerana

saksi-saksi yang dipanggil ini memberikan keterangan berdasarkan pengamatan serta ingatan mereka atas satu siri kejadian yang berlaku pada tahun 2014. Hakikatnya, mahkamah ini amat menyedari bahawa setiap seorang saksi yang memberi keterangan pasti tidak dapat lari daripada gagal mengingati secara terperinci kejadian yang berlaku. Namun begitu, setelah penelitian mendalam dilakukan terhadap keterangan saksi utama kes pendakwaan iaitu SP2 dan SP6 saya mendapati bahawa kedua-dua saksi ini adalah saksi-saksi yang boleh dipercayai (credible witnesses). Benar sepertimana yang diungkapkan oleh Hakim Mahkamah Persekutuan Raja Azlan Shah (beliau pada ketika itu) di dalam kes *PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris (No 2)* [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15 bila beliau mengatakan seperti berikut:

> I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reason, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinise each evidence very carefully as this involes the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.

[34] Kini saya beralih pula dapatan saya terhadap tertuduh kedua.

[35] Tidak dapat dinafikan bahawa tertuduh kedua ini tidak terlibat dengan apa-apa rundingan atau perbincangan mengenai jual beli dadah dengan SP6. Fakta tentang perkara ini juga telah disahkan oleh SP2 dan SP6 sendiri di dalam keterangan mereka. Malah SP6 juga mengakui tiada keterangan bahawa tertuduh kedua ini pernah memegang atau menyentuh mana-mana beg atau ekshibit dadah di dalam kes ini.

[36] Menurut keterangan tertuduh kedua setelah wang RM60,000 itu ditunjukkan kepada tertuduh pertama dan SP6 mahu melihat dadah tersebut, tertuduh pertama telah menghubungi seseorang dan tertuduh pertama suruh parking kereta di belakang kereta Vios milik SP6. Kemudian dalam masa 5 minit, SP6 melihat sebuah kereta Wira no. pendaftaran PFG 5153 sampai dan berhenti di belakang kereta SP6. Tidak dinafikan bahawa pemandunya adalah tertuduh kedua. Beg kain yang berisi dadah ini juga diambil oleh tertuduh pertama dari tempat alas kaki bahagian penumpang belakang kereta tersebut. Diringkaskan akhirnya tertuduh kedua telah ditangkap semasa beliau masih berada di dalam kereta. SP2 juga turut mengesahkan tertuduh kedua tidak cuba bergaduh, bergelut dan sebagainya semasa tangkapan dilakukan ke atas beliau oleh pihak polis.

[37] Berdasarkan keterangan ini, saya berpandangan kehadiran tertuduh kedua di tempat kejadian ini adalah kesinambungan daripada transaksi jual beli dadah yang telah dilakukan oleh tertuduh pertama. Walaupun tertuduh kedua ini tidak langsung memainkan apa-apa peranan di dalam rundingan jual beli dadah ini, namun kehadiran beliau di tempat kejadian bukan lah secara kebetulan atau tanpa pengetahuannya bahawa aktiviti jual beli dadah akan berlaku di situ. Ini adalah kerana tertuduh kedua datang dengan membawa dadah yang berada di dalam kereta yang dipandunya itu telah membantu untuk melengkapkan transaksi jual beli dadah yang telah berjaya disempurnakan oleh tertuduh pertama. Inferens yang dapat saya simpulkan daripada keadaan sekeliling di tempat kejadian serta pelakuan tertuduh kedua ini adalah tidak lain daripada tertuduh kedua ini mempunyai niat bersama untuk mengedar dadah tersebut. Tiada keraguan yang telah berjaya ditimbulkan oleh tertuduh kedua pada tahap ini terhadap kewujudan elemen niat bersama ini.

[38] Prinsip undang-undang berkaitan isu niat bersama ini telah diperjelaskan oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Namasiyiam Doraisamy & Ors. v. PP & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241; [1987] 2 MLJ 336, di mana Hakim Syed Agil Barakbah (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
>
> Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offences is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused.

[39] Bersandarkan kepada kes *Namasiyiam (supra)* ini adalah menjadi dapatan saya bahawa kedua-dua tertuduh ini telah dibuktikan mempunyai niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan untuk memperedarkan dadah-dadah tersebut.

Kesimpulan

[40] Berpandukan kepada garis panduan yang disebutkan di dalam kes *Balachandran v. PP (supra)* dan setelah membuat penilaian maksima ke atas keterangan saksi-saksi di akhir kes pendakwaan, mahkamah ini mendapati

bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952. Perbuatan yang dilakukan oleh kedua-dua tertuduh ini adalah untuk tujuan pengedaran secara jualan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952. Maka dengan itu, kedua-dua tertuduh dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan tersebut.

Kes Pembelaan

[41] Pada hakikatnya saya tidak mempercayai keterangan tertuduh pertama di dalam pembelaannya berkaitan permintaan Christopher a/l Kesen meminta tertuduh pertama untuk berjumpa dengan SP6 di R&R Ulu Bernam untuk menyerahkan barang kemas kepada SP6 dan mengambil RM60,000 daripada SP6 sebagai harga yang dipersetujui untuk barang kemas tersebut. Lantas Christopher telah menyerahkan beg kain (eks. P7A(1)) tersebut yang tanpa pengetahuan tertuduh pertama mengandungi dadah kerana mengikut tertuduh pertama beg tersebut mengandungi barang kemas. Kepercayaan saya terhadap keterangan tertuduh pertama terhakis sama sekali apabila penyerahan beg yang dikatakan mengandungi emas kepada Roy itu berlaku di atas jalan raya dan pemeriksaan kandungan beg yang berisi barang kemas itu juga dibuat di atas jalan raya pada hari ketika kedua-dua tertuduh ditangkap oleh pihak polis. Tidak logik dan tidak munasabah sama sekali urusan jual beli dan pemeriksaan barang bernilai ini berlaku di tepi jalan dan di atas jalan pula. Risikonya amat tinggi. Malah tiada secebis pun keterangan wujudnya resit penjualan dan pembelian barang kemas ini di dalam transaksi jual beli ini. Apatah lagi jika inilah pertemuan pertama yang berlaku di antara tertuduh pertama dengan SP6 sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh tertuduh pertama di dalam keterangannya. Masakan begitu mudah sekali tertuduh pertama menyerahkan barang kemas kepada seorang yang asing kepada beliau meskipun mengikut tertuduh pertama sebelum berlepas ke R&R tersebut Christopher ada memberitahunya bahawa Christopher akan berhubung dengan Roy terlebih dahulu kerana Roy tidak mengenali tertuduh pertama. Terlalu sukar untuk mempercayai keterangan sebegini rupa.

[42] Begitu juga dengan keterangan tertuduh kedua. Saya juga tidak meletakkan sedikit kepercayaan di atas keterangan yang telah beliau zahirkan. Tidak munasabah sama sekali Christopher yang pertama kali bertemu dan bersua muka di rumahnya boleh bersetuju dan meletakkan kepercayaan yang begitu tinggi kepada tertuduh kedua dengan mudah menyerahkan sebuah kereta Proton Wira kepada tertuduh kedua yang hanya merupakan kenalan kepada tertuduh pertama dan meminta pula tertuduh kedua untuk membawa balik RM60,000 tersebut dengan bayaran upah sebanyak RM1,000 setelah urusan dilaksanakan. Lebih aneh lagi tertuduh kedua juga mengatakan pula bahawa beliau tidak mengetahui siapa

meletakkan beg kain tersebut di dalam kereta yang dipandunya itu. Sepanjang perjalanannya dari Pulau Pinang ke R&R Ulu Bernam ini yang saya kira mengambil masa lebih kurang 4 jam tidakkah terdetik di hatinya untuk melihat apakah kandungan di dalam beg yang dibawanya. Lebih menghairankan lagi memandangkan tertuduh pertama yang akan menyerahkan beg berisi barang kemas itu kepada SP6 kenapa beg tersebut tidak sahaja diletakkan di dalam kereta yang dipandu oleh tertuduh pertama dan kenapa pula beg tersebut harus dibawa oleh tertuduh kedua sedangkan kedua-dua mereka bersama-sama akan berhenti di R&R tersebut. Inferens yang dapat saya buat adalah inilah perancangan yang diatur oleh mereka berdua kerana pada hemat saya seandainya tertuduh pertama ditangkap, namun sukar untuk tertuduh pertama dikenakan apa-apa tindakan perundangan kerana tiada apa-apa barang salah seperti dadah berbahaya yang dijumpai di dalam kereta yang dipandunya. Namun seandainya transaksi jual beli ini berjalan dengan selamat, lancar dan sempurna sepertimana yang telah diatur maka barulah dadah yang berada di dalam kenderaan yang dipandu oleh tertuduh kedua dapat diambil dan diserahkan kepada SP6. Inilah apa yang telah berlaku di dalam kes ini dan inilah juga inferens yang dapat saya buat rentetan daripada episod yang dipamerkan di hadapan saya.

[43] Namun begitu persoalan yang masih bermain dan berlegar-legar di dalam fikiran saya adalah tentang misteri kehilangan dan kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon-telefon bimbit yang bukan sahaja digunakan oleh tertuduh pertama dan tertuduh kedua malah oleh SP6 sendiri. Kes kehilangan telefon-telefon bimbit terus menjadi bahan serangan pihak pembelaan dari awal kes pendakwaan sehinggalah berakhirnya kes pembelaan. Tertuduh pertama secara konsistennya menegaskan bahawa Boy yang disebut-sebut oleh pihak pendakwaan bukanlah merujuk kepada dirinya tetapi penama Boy ini sebenarnya adalah Christopher. Mengikut tertuduh pertama lagi beliau tidak pernah bertemu atau berhubung melalui telefon dengan SP6 sebelum hari beliau ditangkap. Misteri tentang siapakah sebenarnya Boy ini juga harus ditangani dan tidak boleh dipandang sepi kerana kedua-dua isu ini (telefon bimbit dan penama sebenar Boy) mempunyai pertalian rapat di antara satu dengan yang lain yang amat sukar untuk dipisahkan ibarat aur dan tebing.

[44] Wajar saya ulangi semula sepertimana yang telah saya katakan di akhir kes pendakwaan bahawa ketiadaan telefon-telefon bimbit ini tidak sedikit pun menjejaskan kes pendakwaan sepertimana yang telah saya perjelaskan tentang isu ini yang begitu kuat dibangkitkan oleh pihak pembelaan. Namun setelah kedua-dua tertuduh ini dipanggil untuk membela diri mereka sekali lagi isu berkaitan perkara ini diketengahkan oleh tertuduh bagi mengajak mahkamah ini meneliti semula dapatan yang telah saya buat di akhir kes pendakwaan tersebut meskipun di dalam alasan yang telah saya berikan saya

telah dengan tegasnya mengatakan bahawa saya telah pun membuat penilaian yang maksimum di atas keterangan yang telah dikemukakan oleh kesemua saksi-saksi pendakwaan. Wajarkah di akhir kes pembelaan ini saya berundur ke belakang dan membuat penilaian yang berbeza daripada apa yang telah saya putuskan terdahulu? Tidakkah saya terkhilaf dari sudut perundangan jika seandainya saya berpatah balik dan membuat dapatan yang berlainan demi keadilan jika itu kesudahannya? Inilah di antara persoalan yang masih terpahat di dalam fikiran saya yang seharusnya mahkamah ini leraikan. Bagi mencari jawapan dan merungkai persoalan yang berbangkit ini, maka adalah wajar untuk sekali lagi saya mengupas kembali dengan sehalus mungkin isu atau "tsunami" kuat yang digegarkan oleh pihak pembelaan ini agar keputusan yang akan saya capai nanti tidak tersasar atau menyimpang daripada tuntutan keadilan bukan sahaja kepada kedua-dua tertuduh tetapi juga kepada pihak pendakwaan.

[45] Berikut adalah rentetan kupasan berkaitan telefon-telefon bimbit serta penama Boy tersebut. Sama-sama kita renungkan dan mengimbas kembali apa yang telah didedahkan sebelum ini.

[46] Diringkaskan SP6 di dalam keterangannya menyatakan bahawa terdapat 11 panggilan telefon bimbit di antara SP6 dengan menggunakan nombor: 014-3651961 dengan penama Boy yang dikatakan oleh SP6 sebagai Boy yang menggunakan nombor telefon 014-6045611 sedangkan mengikut keterangan SP7 nombor telefon bimbit yang diberikan oleh tertuduh semasa rakaman percakapannya adalah 017-4586924.

[47] SP2 semasa pemeriksaan balas menyatakan bahawa beliau tidak pasti sama ada satu telefon jenama Nokia milik tertuduh pertama dan dua buah telefon milik tertuduh kedua ada dirampas oleh SP2. SP2 juga mengakui di dalam senarai bongkar dan borang serah menyerah tidak dinyatakan berkaitan telefon-telefon bimbit tersebut.

[48] Semasa pemeriksaan semula SP2 menyatakan pula:

> Telefon ini sebenarnya ada dirampas untuk siasatan pada peringkat awal tangkapan. Selepas itu saya tak ingat YA sebab saya tak nyatakan dalam borang bongkar dan borang serah menyerah. Saya tak ingat sama ada telefon diserahkan balik kepada saya atau kepada pegawai penyiasat kerana ianya tidak tercatat di dalam borang bongkar dan borang serah menyerah. Maksud saya, saya ada serahkan telefon itu kepada pegawai penyiasat.

[49] SP6 telah mengecam tertuduh pertama sebagai Boy dalam pertemuan di antara mereka berdua pada 1 Julai 2014, 4 Julai 2014 dan 11 Julai 2014. SP6 mengakui bahawa pada pertemuan pertama dan kedua, SP6 tidak ada berjumpa dengan tertuduh kedua. SP6 hanya bertemu dengan tertuduh kedua pada pertemuan ketiga sahaja iaitu pada hari kejadian dan tangkapan.

[50] SP6 mengesahkan bahawa nombor telefon beliau yang beliau gunakan untuk menghubungi tertuduh pertama adalah 014-3651961 bagi telefon tertuduh pertama pula adalah 014-6045611. Nombor 014-6045611 adalah satu-satunya nombor telefon yang SP6 gunakan untuk menghubungi tertuduh pertama di dalam operasi ini.

[51] Bagi memperjelaskan tentang perkara ini, izinkan saya untuk memperincikan soalan dan jawapan SP6 berkaitan isu panggilan keluar dan masuk ini secara terperinci. Ini boleh dilihat pada ms. 142-145 nota keterangan.

Soalan:

Q: Pada tarikh operasi 11.7.2014, we have your phone, Boy's phone and the phone belonging to someone in the Wira, there should be 3 phones on that day, betul?.

A: Ya.

Q: Kalau ikut keterangan kamu, panggilan pertama kamu buat kepada Boy pada 25.6.2014 jam lebih kurang 12 tengah hari, itu panggilan pertama?.

A: Ya.

Q: Panggilan kedua, pada 1.7.2014, kamu juga telefon pada pukul lebih kurang 4.00 petang, kamu telefon Boy menyatakan kamu telah sampai di RnR Sungai Buloh?.

A: Ya.

Q: Dan pada tarikh yang sama, 1.7.2014 jam lebih kurang 4.15 petang, kamu terima panggilan daripada Boy dan selepas itu kamu telah bertemu dengan Boy, betul?.

A: Betul, YA.

Q: Pada 2.7.2014, jam lebih kurang 3.00 petang, kamu menerima satu panggilan daripada Boy yang kamu kata bincang tentang jumlah order?.

A: Ya.

Q: Pada 3.7.2014, jam lebih kurang 7.00 petang, kamu telah hubungi Boy untuk bertemu dan berbincang tentang order?.

A: Betul.

Q: Pada 4.7.2014, kamu kata kamu telah hubungi Boy lebih kurang 4.00 petang untuk menukar tempat pertemuan kepada Jejantas RnR Sungai Buloh?.

A: Ya.

Q: Pada 10.7.2014, jam lebih kurang 8.00 malam, kamu terima panggilan daripada Boy dan berbincang dengan transaksi dan pertemuan pada 11.7.2014?.

A: Betul.

Q: Pada 11.7.2014 jam 9.00 pagi, kamu kata kamu terima panggilan daripada Boy, di mana Boy memberitahu kamu lokasi beliau, betul?.

A: Betul.

Q: Pada 11.7.2014, jam lebih kurang 12 tengah hari, kamu kata kamu terima panggilan daripada Boy, dimana Boy tanya lokasi kamu, kamu beritahu kamu akan contact dia bila kamu sampai di RnR Ulu Bernam?.

A: Betul.

Q: Pukul berapa kamu sampai di RnR Ulu Bernam?.

A: Pada jam lebih kurang 2.30 petang, 11.7.2014.

Q: Berapa panggilan kamu buat kepada Boy?.

A: Sampai sahaja, saya buat panggilan kepada dia, berapa panggilan saya tidak ingat.

Q: Jadi diantara panggilan yang kamu buat beritahu kamu sampai sehingga Boy pergi jumpa kamu di kereta kamu, berapa panggilan sebelum dia datang?.

A: Sekali sahaja.

Q: Telefon yang kamu gunakan ialah burner?.

A: Betul.

Q: Sim kad yang kamu gunakan ini hanya digunakan untuk operasi ini? Untuk nombor ini 3651961?. Atau sim kad ini sudah lama?.

A: Saya tidak berapa ingat sebab saya banyak buat kes AP.

Q: Kamu buat banyak kes AP, jadi kamu tahu sim kad itu kena diserahkan kepada pegawai penyiasat?.

A: Saya tidak serahkan sim kad yang saya gunakan kepada pegawai penyiasat.

Q: Adakah kamu berikan nombor yang kamu gunakan kepada pegawai penyiasat?.

A: Ada.

Q: Adakah kamu beritahu nombor yang kamu hubungi kepada pegawai penyiasat yang dikatakan digunakan oleh Boy?.

A: Ada.

A Q: Jadi bermakna mengikut keterangan kamu, rekod telefon di antara kamu dengan Boy boleh dibuktikan untuk menyokong keterangan kamu?.

A: Betul.

Q: Dan apabila kamu berjumpa dengan Boy, kamu kata Boy telefon
B seseorang, rekod itu juga dapat dibuktikan?.

A: Ya.

[52] Begitulah antara rentetan soalan dan jawapan yang telah ditanya oleh peguam berkaitan keterangan yang telah diberikan oleh SP6 berkaitan dengan
C panggilan-panggilan telefon antara SP6 dengan penama bernama Boy.

[53] SP6 juga bersetuju panggilan telefon dalam kes melibatkan AP sangat penting untuk menunjukkan *there is a conversation with the suspect*. Namun SP6 tidak tahu sehingga sekarang apa yang telah terjadi kepada telefon tersebut. Malah SP6 juga mengakui kenapa telefon bimbit kedua-dua
D tertuduh juga hilang. SP6 mengakui telefon bimbit yang digunakan oleh beliau di dalam operasi ini sememangnya wujud namun tidak dibawa dan dikemukakan ke mahkamah ini. SP6 juga mengesahkan telefon bimbit beliau itu juga tidak diserahkan kepada pihak pendakwaan dan pegawai penyiasat.

[54] Mengikut SP7 (pegawai penyiasat) beliau tidak menyiasat dengan
E Telco rekod panggilan berhubung nombor yang dikatakan digunakan oleh tertuduh pertama. SP7 juga mengesahkan bahawa beliau tidak ada menerima apa-apa telefon bimbit sebagai barang yang dirampas daripada kedua-dua tertuduh. SP7 juga tidak ada membuat siasatan ke mana perginya telefon-telefon yang digunakan oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan SP6.

F **[55]** Benarkah kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon bimbit yang digunakan oleh SP6 dan tertuduh pertama ini telah menimbulkan persoalan sama ada wujudnya perbincangan jual beli dadah yang telah dilakukan antara SP6 dan Boy yang dirujuk oleh SP6 sebagai tertuduh pertama sehingga membawa kepada tangkapan ke atas kedua-dua tertuduh
G ini. Mengikut SP2 telefon kedua-dua tertuduh ini ada dirampas namun ke mana perginya telefon-telefon ini dan mengapa ia tidak dikemukakan sebagai ekshibit pihak pendakwaan masih menjadi tanda tanya. Malah telefon-telefon ini juga tidak dimasukkan sebagai barang rampasan di dalam senarai bongkar yang dikemukakan di mahkamah ini. Di dalam laporan polis yang dibuat
H oleh SP2 juga tidak dinyatakan telefon-telefon tertuduh-tertuduh ini ada dirampas. Persoalannya adakah keterangan tentang ekshibit ini sengaja disembunyikan kerana jika dikemukakan ia memihak kepada pihak pembelaan? Mungkin jawapannya ya atau mungkin juga jawapannya tidak.

I

[56] Namun setelah saya meneliti semula keseluruhan kes pendakwaan dan menyelami keterangan kes pembelaan, pada hemat saya telefon-telefon bimbit kedua-dua tertuduh ini ada dirampas oleh SP2. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon-telefon tersebut termasuk telefon SP6 telah menyebabkan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pendakwaan kerana jika ia dikemukakan pasti akan memihak kepada pihak pembelaan kerana jika dikemukakan akan boleh mendedahkan identiti sebenar pihak-pihak yang berkaitan pihak-pihak yang terlibat di dalam perbincangan jual beli dadah ini sama ada Boy ini adalah sebenarnya tertuduh pertama ataupun penama yang lain. Di sinilah pada hemat saya, tergugatnya kredibiliti SP6.

[57] Jika Boy ini sebenarnya bukan merupakan tertuduh pertama, maka timbul pula persoalan adakah kedua-dua tertuduh ini tahu bahawa beg yang diberikan oleh Christopher itu mengandungi dadah kerana negosiasi tidak dilakukan oleh tertuduh pertama apatah lagi tertuduh kedua. Persoalan-persoalan yang telah terjawab ini telah banyak menimbulkan keraguan di dalam fikiran saya dan sudah semestinya keraguan ini memihak kepada kedua-dua tertuduh.

[58] Sebagai kesimpulannya, mahkamah ini mendapati pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan di dalam kes pendakwaan dan pada masa yang sama juga telah berjaya mematahkan anggapan pemilikan dan pengetahuan sebagaimana yang telah dibangkitkan terhadap mereka berdua. Nyata pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Dengan itu kedua-dua tertuduh hendaklah dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan yang telah dibuat terhadap mereka berdua.